

Bersatu pecahkan kerjasama Pas, UMNO?

UM-17/2/2019 m/s: 3

KUALA LUMPUR 16 Feb. - Tun Dr. Mahathir Mohamad memamerkan seni politik beliau ketika bermulanya kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih hari ini apabila mendakwa Pas tidak akan menyokong UMNO kali ini.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) itu malah memberitahu perkara itu dimaklumkan sendiri oleh Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dalam pertemuan kedua-duanya semalam.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) menjelaskan perkara itu

bukan sekadar diputuskan menerusi kata-kata, malah dilengkapkan dengan pengakuan secara bertulis dan ditandatangani.

“Berkenaan dengan politik. Tentang pihak parti Pas dalam PRK ini tidak akan menyokong parti UMNO.

“Dia (Abdul Hadi) beritahu (tidak akan menyokong UMNO), tetapi ada juga pengakuan secara tertulis dan ditandata-



DR. MAHATHIR MOHAMAD

ngani,” kata Dr. Mahathir kepada pemberita semasa hadir ke program Festival Demokrasi 2019 di sini hari ini.

Kata-kata beliau mengejutkan para pemberita memandangkan Pas dan UMNO sebelum ini berko-koar-koar mahu bekerjasama tam-

bahan pula sebelum itu beberapa pemimpin Pas hadir ke Pusat Penamaan Calon PRK DUN Semenyih dan dilihat menyokong

calon UMNO.

Abdul Hadi bersama Setiausaha Agung Pas, Datuk Ta-kiyuddin Hassan dan Menteri Besar Terengganu, Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar mengadakan pertemuan dengan Dr. Mahathir di pejabat Pengerusi Bersatu itu di Yayasan Al-Bukhary di sini semalam.

UMNO dan Pas sebelum ini dilaporkan bersetuju mewujudkan jawatankuasa bersama bagi merangka strategi menghadapi PRK itu yang dijadualkan pada 2 Mac ini bagi mengulangi kerjasama ketika berdepan PRK Parlimen Cameron Highlands pada bulan lalu.